



دَائِرَةٌ مُبُوَّبَةٌ

TEMBURONG DISTRICT





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

*His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien
The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam*



TEMBURONG DISTRICT



The contents, generally, are based on
information available in
Brunei Darussalam Newsletter and Brunei Today
First Edition 1988
Second Edition 2011

Editorial Advisory Board/Sidang Redaksi

Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong
(hadi.melayong@information.gov.bn)
Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar
(noorashidah.aliomar@information.gov.bn)

Editor/Penyunting

Sastraa Sarini Haji Julaini (sarini.julaini@information.gov.bn)

Sub Editor/Penolong Penyunting

Hajah Noorhijrah Haji Idris (noorhijrah.idris @information.gov.bn)

Text & Translation/Teks & Terjemahan

Hajah Apsah Haji Sahdan (apsah.sahdan@information.gov.bn)

Layout/Reka Letak

Hajah Apsah Haji Sahdan

Proof reader/Penyemak

Hajah Norpisah Md. Salleh (norpisah.salleh@information.gov.bn)

Map of Brunei/Peta Brunei

Haji Roslan bin Haji Md. Daud (roslan.daud@information.gov.bn)

Photos/Foto

Photography & Audio Visual Division of Information Department

Sastraa Sarini Haji Julaini, Haji Ariffin Haji Mohd Noor,

Pengiran Ikram Pengiran Haji Ahmad, Hajah Noorhijrah Haji Idris,

Ak. Abu Bakaruddin Shah Dinny Pg. Haji Kamaruddin,

Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain, Haji Roslan Haji Mohd Jadi@Zaidi,

Mohammad Adib Haji Rani

.....
ISBN 9991-49-30-6

Printed by/Dicetak oleh:

Brunei Press Sdn. Bhd.

All rights reserved. No parts of this book may be reprinted or reproduced or utilised in any form or by any electronic, mechanical or other means, now known or hereafter invented, including photocopying and recording, or in any information storage or retrieved system, without permission in writing from Director of Information, Information Department, Prime Minister's Office, Brunei Darussalam.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotografi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pengaruh Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Contents/Isi kandungan

Brunei in Brief	7
<i>Ringkasan Sejarah Brunei</i>	25
Background	8
<i>Latar Belakang</i>	26
Population	8
<i>Penduduk</i>	26
Places of Interest	9 - 11
<i>Tempat-tempat Menarik</i>	27 - 29
Popular Local Cuisine	12
<i>Sajian Tempatan Yang Terkenal</i>	30
Accomodation	13
<i>Kemudahan Tempat Tinggal</i>	29
Shopping	13
<i>Membeli-belah</i>	30
Industrial	14
<i>Industri</i>	33
Water	15
<i>Air</i>	34
Electricity	16
<i>Elektrik</i>	34
Medical and Health	17
<i>Perubatan dan Kesihatan</i>	35
Education	17
<i>Pendidikan</i>	36
National Housing Programme	19
<i>Rancangan Perumahan Negara</i>	37
Arrival / Departure	20
<i>Ketibaan / Berlepas</i>	32
Road	21
<i>Jalan Raya</i>	37
Agriculture	22
<i>Pertanian</i>	38


TEMBURONG DISTRICT/ DAERAH TEMBURONG

● Perdayan Forest
Recreation Park

■ Pekan Bangar

● Outward Bound School

● Rainforest Field Studies
Centre, Kuala Belalong





Temburong District

Brunei Darussalam in Brief

BRUNEI Darussalam is situated on the north-west coast of the Island of Borneo where historical findings suggest that the Brunei Kingdom began more than 1,500 years ago, predating Islam. Its earliest existence was believed to be a tributary province of the Java-based Majapahit Empire. After the disintegration of the Majapahit Empire, Brunei rulers took charge of their own territorial responsibility.

Ancient Chinese texts referred Brunei to as either Puni or Puli and documented interactions with the Chinese Empire in the years 518, 523, 616, 669, 977, 1279 and 1369-1643 AD.

Imperial Chinese texts also indicated that Muslim influence

was established in Brunei as early as 977 AD, and the employment of Arabic characters in Brunei's written language, hitherto Sanskrit, started before 1370. Imperial Chinese texts noted that Brunei's King named Awang Alak Betatar embraced the Islamic faith in 1371 in conjunction with his marriage to a princess from a neighbouring kingdom. The Chinese people who came to Brunei in 1370 said that Brunei was ruled by an Islamic ruler known as Ma-ham-mo-sha or Sultan Muhammad Shah. Consequently, Sultan Muhammad Shah is the Islamic name of Awang Alak Betatar. As a territory administered by a Muslim government, subsequent Brunei sovereigns became known as sultans.

Brunei Darussalam's capital is Bandar Seri Begawan with a total land mass of 100.36 sq. km. The total

population of Brunei Darussalam was 406,200 (2009) with 57 per cent were aged from 20 to 54 years old. Majority of the population are Malays with an estimated 269,400 people, followed by Chinese with 44,600 people and 92,200 people comprising of other minor groups.

Brunei Darussalam has four districts namely Brunei-Muara, Tutong, Belait and Temburong District. Each district is made up of several *mukim* (a *mukim* consists of a group of *kampung* or villages) where it is administrated by the District Office which is under the purview of a District Officer. The total land area of Brunei Darussalam is 5,765 sq. km.

Temburong District


Background

Temburong District is situated on

the eastern-most district in Brunei Darussalam and separated from the rest of Brunei by Malaysia and Brunei Bay. It is the second largest district that covers an area of 1,306 sq. km. Pekan Bangar is the administrative centre and the district has five *mukim* namely Mukim Amo, Mukim Bangar, Mukim Batu Apoi, Mukim Bokok and Mukim Labu. There are more than 80 villages from the five *mukim*.

Population

One of the largest districts, Temburong District has the smallest population with 9,193 persons (2010). The population are Malays with an estimate 5,852 people, followed by Iban with 2,092 people, Murut with 811 people, Chinese with 206 people, Dusun with 21 people and others with 211 people.



Places of Interest

Labu Estate Village has a significant historical value where it was once a village with large rubber plantation. Machine once used to process rubber are found inside this building.

Ulu Temburong National Park extends over 500 sq. km. of undisturbed rainforest which covers most of the southern part of Temburong District. Visitors can observe the rainforest's diverse treetop ecosystem using a canopy walkway. The canopy walkway is about 250 meter high which gives visitors a panoramic view of one of the oldest rainforests in the world.

Selirong Island is a small mangrove island located to the north of Temburong. It is covered by mist early in the morning which gives it a sense of mystery, but as soon as you set your feet there, behind the cloudy mist, you can witness all the awe and wonders of the tropical ecosystem up close and personal.

Selirong Island



Taman Aie Tenub is a combination of three dialects - Malay, Iban and Murut, Taman Aie Tenub means 'cold water park'. It refers to the stream that flows through the park. It is located in Kampung Selapon, perfect for a picnic and enjoy the luscious green nature.

Temburong Longhouses are located in the southern part of Temburong where it can be reached within 10 to 20 minutes by car. Visitors will experience first hand on the lifestyle of Iban's ethnic. A longhouse is made up of many homes under one roof and led by a 'Tuai Rumah' or Head of the House.

Wasai Deraya Rimba and **Wasai Deraya Belukar** are nice places to relax where you will enjoy a pool of running water with a small waterfall. These *wasai* are located in Kampung Senukoh which can be reached by car.

Bukit Patoi Recreational Park is also known as Perdayan Forest Recreational Park located on the eastern part of Temburong. There is a nice 300 metres wooden trail that takes visitors to the peak of Bukit Patoi which is 310 metres above sea level that offers views of the Lawas Basin.

Batang Duri Recreational Park is located 13 kilometres from Bangar Town where you can go wading in the shallow river or visit the mini-zoo that houses some of the local wild animals and birds.

Galeri Warisan Kesenian dan Kebudayaan is one of the oldest buildings in Temburong where local art and culture are featured.



Arca Taman Gemilang 60 commemorates the 60th birthday of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam.

Popular Local Cuisine

Temburong District besides being popular for its rich pristine natural rainforests, is also well-known for its local cuisine and foodstuff such as:

Udang Galah (King Prawn), this is often the most sought after dish by Bruneians where it is mostly available from this district.

Wajid Temburong, wrapped with Nyirik leaves, *wajid* is steamed rice slowly cooked in sugar and coconut cream.

Cendol Temburong, made of rice grains and mixed with water, *cendol* is green in colour. Sweet tasting, it is most suitable to quench one's thirst.





Accommodation

There are a number of accommodations available in Temburong District such as:

- Government Resthouse
- Chalet: Teratak Semala and Teratak Madang Sisik
- Executive House: Teratak Madu
- Awadah Guesthouse
- Lukut Intan Guesthouse
- Huzairi Guesthouse
- Kampung Puni Homestays
- Tanjung Bungar Longhouse Homestays
- Amo 'B' Longhouse Homestays
- Amo 'C' Longhouse Homestays
- Ulu-ulu Resort, Ulu Temburong

Shopping

Bangar Town offers a string of small retail shops selling a variety of items from handicraft, clothes to daily necessities.

Bumiputera Main Complex is situated in the heart of Bangar Town. This building has three floors housing a variety of shops including grocery store, handicraft and souvenir shop, cake house, restaurants, textile, dhobi, travel agent and many more.

Tamu Muhibah Aneka Selera Pekan Bangar, for a taste of local delicacies, they are easily available at this dry market located opposite of Youth Centre in Bangar Town.

Industrial

Temburong District is also well-known with its quarry industrial site. There are several quarry companies in this district. The quarries in this district are fully equipped with modern and reliable crusher plants and machineries as well as supported by a wide fleet of mobile equipment. A leading quality stones supplier, Temburong District, produces a constant and good supply of aggregates both for sale and for use in road construction, producing asphalt premix and ready-mixed concrete, as well as manufacturing of interlocking paving blocks.



Basic Facilities

Water

The water supply, sewerage and drainage sectors play important roles in Brunei Darussalam's socio-economic development as they contribute towards the improvement of the quality of life and well-being of the people and the creation of a clean and healthy environment.

The introduction of piped water supply throughout the country began in the 1970's. In the early 1980's, the government formulated a Master Plan, which aimed to meet the rising demand resulting from the growth of population and development activities.


Residents of Temburong District receive their clean supply of water from the Sumbiling Water Treatment

Plant and Batang Duri Water Treatment Plant.

Through the National Development Plan (NDP) 2007 - 2012, the focus of the water sector are: (i) to ensure that the water resource is increased and available even during dry season; (ii) to increase the capacity of water treatment to exceed demand by 20 per cent; (iii) and to reduce the unaccounted water and improve the water quality.

The Sumbiling Water Treatment Plant, in its bid to meet the increasing demand for clean water, will receive an upgrade and extension. A new sewerage system will also be put in place serving Bangar Town which has no centralised sewerage network.

Within the 8th NDP, drainage works at several rivers were also carried out including Temburong (Phase 1) area.





Electricity

The main government agency involved in the sector is the Department of Electrical Services (DES). DES is in charge of generation, transmission and distribution from its four power stations. The rest of the Sultanate's installed capacity comes from the Berakas Power Management Company Sdn. Bhd. (BPMC), an independent outfit, which has three power stations.

Brunei Darussalam is also divided into three independent networks, with DES operating network one - which covers the Brunei-Muara, Tutong and Belait Districts - and network two, which covers the Temburong District. While network three includes Gadong 3, Jerudong and Berakas Power Plants.

Demand for electricity is projected to increase further in the National Development Plan 2007 - 2012. As of the end of 2005, the peak demand for electricity was 454 megawatt where the demand was concentrated in Brunei-Muara District, followed by Belait and Tutong Districts. Demand for

electricity was least in the Temburong District. In terms of generation mix, 98 per cent of the generation was gas-fueled and two per cent was diesel-fueled. The diesel-fueled generators are located in Temburong District which is not connected to the Brunei-Muara grid.

To satisfy the increasing demand for electricity supply, the government has built a power station costing more than \$4 million and with a capacity of 2.56 megawatt in Kampung Belingos at Temburong District. Power is also supplied by the old power station at Kampung Seri Tanjung Belayang. Through the National Development Plan 2007 - 2012, a project to extend the Belingos Power Station with two additional 3 megawatt diesel engine generators will be carried out.

Under the National Development Plan 2007 - 2012, a project to interconnect Temburong District network with the Brunei-Muara network and the BPMC network is in the pipeline. While installation of 10 more street lights in Temburong District is also in the pipeline.

Medical and Health

The government places great importance on the nation's health facilities. To ensure that all levels of the community receive proper health care, more health centres and clinics have been established and the government provides practically free health care to all citizens.

In Temburong District, the Pengiran Isteri Hajah Mariam Hospital as the main referral hospital for this district was built with approximately \$9.9 million. Equipped with modern medical and health facilities, the residents have access to more sophisticated services and a more higher standard of health.

In addition, there are two health centres which are based at Kampung Labu Estate and Kampung Amo; while the Flying Doctor Service attends to areas inaccessible by road or river.

Education

Brunei Darussalam recently launched a new education system known as *Sistem Pendidikan Negara Abad*

Ke-21 (National Education System for 21st Century) or SPN21. The implementation of SPN21 is timely particularly in today's fast changing technology and it aims to meet the social and economic challenges of the 21st century and equip students with 21st century skills.

The Government of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam puts education as one of its main priority as through its National Vision 2035, it aspires to achieve an educated, highly skilled and accomplished people. Thus a first class education is seek which can provide opportunities for every citizen and resident to meet the requirements of the changing economy and encourages a life-long learning as well as achievements in sports and the arts. This success will be measured by the highest international standards.

Thus education has been given for free for the citizens of Brunei Darussalam and measures are taken to ensure that everyone receives proper education, further enforced through the Compulsory Education Order 2007.



Academic institutions involving the primary, secondary and higher-learning were built throughout the nation and more institutions will be built based on the demand and growing population.

As such, in the Temburong District alone, there is one secondary school; and 13 primary schools comprising of both government and private academic institutions.



National Housing Programme

The Government of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam in implementing its policy in providing all of its citizen with proper accommodation in a pleasant environment, with the citizen households owning their own houses, various schemes had been introduced as early as the 1950's.

The resettlement programmes began as early as 1951 when the residents of Kampung Bendahara Lama from Kampung Ayer were resettled to Bunut Resettlement Area in Mukim Kilanas of the Brunei-Muara District.

A nationwide survey was conducted in 1970's to identify the people's housing needs. Hence as a result, the first of many housing schemes, the Lambak Kanan National Housing Scheme in the Brunei-Muara District was introduced covering a site of about 810 hectares where 84 houses under Phase One had been completed and allocated to successful applicants in early 1986.

More similar and other housing schemes were introduced since then which include the Landless Indigenous Citizens Housing Scheme (STKRJ), Temporary Occupation-of-land License (TOL) and Infill Scheme (IS).

Similar housing programmes were carried out in the Temburong District namely the Kampung Rataie Landless Indigenous Citizens Housing Scheme; and Rataie National Housing Scheme. Besides these, Temburong District also hosts five longhouses for the Iban ethnic namely Kampung Sibut Longhouse, Kampung Sumbiling Baru Longhouse, Semabat Longhouse, Amo Longhouse and Lepong Baru Longhouse.





Arrival / Departure

There are three methods of entering and departing Temburong District. The first method is by using a boat departing from the jetty located along Brunei River and you will arrive at Bangar Town. The journey is estimated to take 45 minutes.

Another method is by using a vehicle where you need to cross the border of Limbang, Sarawak, a Malaysian state; and via Puni Immigration Control Post.

Pekan Bangar Boat Terminal

Construction works to build the new boat terminal began on June 19, 2008 and was completed on December 19, 2009. The terminal was officially opened on January 7, 2010 by Pehin Dato Haji Awang Abu Bakar, the Minister of Communications. This terminal was built at a cost of about \$1.4 million, a project under the National Development Plan.





Road

Bruneians enjoy comfortable road infrastructure and this is further proven provided by the Global Competitive Index Report 2008/2009 - World Economic Forum 2008 where the road quality in Brunei Darussalam was ranked 28th amongst 134 major emerging economies; 7th in ASIA and 3rd in Southeast Asia.

The government continues to ensure a good quality road infrastructure and this can be further seen through the National Development Plan 2007 - 2012 where about \$600 million has been provided for the planning and development of road networks throughout the country. This will include highway projects, road construction projects, paving, road maintenance and resurfacing.

In 2008, the length of roads in Brunei was at 2,972.11 kilometres which include 2,737.90 kilometres state road, 130.45 kilometres district road and 103.76 kilometres Royal Brunei Armed Forces' road.

Through the National Development Plan 2007 - 2012, more projects will be carried out to improve road infrastructures including those in Temburong District which include repairing earth slips at different locations; upgrading of high density roads to residential areas; replacement of existing wooden bridges; and rehabilitation of Jalan Bangar-Puni-Labu. Studies will also be carried out on the construction of roads and bridges linking Brunei-Muara and Temburong District; and a study on the proposed alternative road from Jalan Temada to Jalan Batang Duri.



Agriculture

In its bid to diversify the economy, much emphasis has been given on the agricultural sector, one of the sectors with huge potential to be explored for economic benefits.

There is a positive growth in the agricultural sector where the gross output of agricultural production in 2008 saw livestock contributing \$131.6 million, \$41.35 million from crops and \$52.53 million from agri-food bringing to more than \$200 million in revenue compared to only \$113.02 million in 1999, a 99 per cent increase.

Whilst the vision for the agri-food industry is to increase sales figure to \$340 million by 2015, which is an increase of 512 per cent compared to 2008 with \$52.53 million.

The year 2009 saw a remarkable achievement in its paddy plantation sector. With the harvesting of 'Beras Laila', the path towards sustaining a stable food security though rice

production is becoming more visible. It has the ability to be cultivated twice in a year and has suitable level of micro nutrients flowed with low carbohydrate and fibre with high protein.

In Temburong District, however, three areas have been identified for paddy plantation namely at Lakiun-Perdayan (700 hectares), Senukoh (80 hectares) and Selapon (150 hectares). In 2008, Temburong District has the second largest paddy plantation area with 382.40 hectares with a production of 264.52 metric tonnes. The rice varieties grown are of Adan, Bario, Pusu and the latest Laila.

An area of 1,852.76 hectares have been gazetted as agricultural development area in Temburong District namely Labu Estate A, Labu Estate B, Selangan (Station), Bakarut, Perdayan, Selapon A, Selapon B, Senukoh A, Senukoh B, Lakiun, Semabat and Kampung Puni Agricultural Development Areas.



Awards

For the inaugural Excellent Village Award held in 2009, Temburong District showed prominence where Belais and Buda-Buda Village Consultative Council received bronze award for the projects on poultry farming, cultivating of mushroom, food production, heritage and recreational park, and fishing. Sibut Village Consultative Council also received an appreciation award.





DAERAH TEMBURONG

**Diterbitkan oleh
Bahagian Berita Inggeris
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam BB3510**

**Isi kandungan umumnya berdasarkan kepada
maklumat yang terkandung di dalam
Brunei Darussalam Newsletter dan Brunei Today
Edisi Pertama 1988
Edisi Kedua 2011**



Brunei Darussalam

BRUNEI Darussalam terletak di barat laut pantai Kepulauan Borneo yang dipercayai telah wujud 1,500 tahun yang lalu, sebelum kedatangan Islam. Awal kewujudannya dipercayai sebagai sebuah daerah berpangkalan di sungai Pulau Jawa Kerajaan Majapahit. Selepas kejatuhan Kerajaan Majapahit, Raja-raja Brunei mengambil tanggungjawab wilayah mereka sendiri.

Teks Cina kuno merujuk Brunei sebagai Puni atau Puli dan dicatatkan perhubungan dengan Kerajaan China dalam tahun 518, 523, 616, 69, 977, 1279 dan 1369-1643 selepas Masihi.

Teks Cina Agung juga menunjukkan bahawa pengaruh Islam telah wujud di Brunei seawal tahun 977, dan penggunaan karakter dalam bahasa tulisan Brunei, bermula sebelum 1370. Teks Cina Agung menyatakan Raja Brunei bernama Awang Alak Betatar telah memeluk agama Islam pada tahun 1371 setelah berkahwin dengan puteri dari kerajaan jiran.

Orang Cina yang datang ke Brunei pada tahun 1370 berkata bahawa

Brunei telah diperintah oleh seorang pemerintah Islam dikenali sebagai Ma-ha-mo-sha atau Sultan Muhammad Shah. Sultan Muhammad Shah ialah nama Islam Awang Alak Betatar. Sebagai sebuah wilayah yang ditadbir oleh Kerajaan Islam, pemerintah Brunei seterusnya dikenali sebagai sultan.

Ibu kota Negara Brunei Darussalam ialah Bandar Seri Begawan dengan keluasan 100.36 kilometer persegi. Jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam ialah 406,200 orang (anggaran 2009) dengan 57 peratus berusia 20 hingga 54 tahun. Majoriti penduduk adalah bangsa Melayu iaitu dianggarkan sebanyak 269,400 orang, diikuti bangsa Cina dengan 44,600 orang dan 92,200 orang terdiri daripada puak lain.

Setiap daerah terdiri daripada beberapa buah mukim (sebuah mukim terdiri daripada beberapa buah kampung) yang ditadbir oleh Pejabat Daerah di bawah pengawasan Pegawai Daerah. Keluasan Negara Brunei Darussalam ialah 5,765 kilometer persegi.

Daerah Temburong

Latar Belakang

Temburong merupakan daerah yang terletak di bahagian timur Negara Brunei Darussalam, terpisah dari tiga daerah lain oleh Teluk Brunei dan Malaysia. Daerah ini adalah daerah kedua terbesar dengan keluasan 1,306 kilometer persegi.

Pekan Bangar sebagai pusat pentadbiran dan mempunyai lima mukim iaitu Mukim Amo, Mukim Bangar, Mukim Batu Apoi, Mukim Bokok dan Mukim Labu yang mempunyai lebih dari 80 buah kampung.

Penduduk

Meskipun dikenali sebagai salah sebuah daerah yang terbesar, namun Daerah Temburong mempunyai jumlah penduduk yang terkecil iaitu dengan keramaian 9,193 orang; lelaki 4,454 dan perempuan 4,739 (2010).

Majoriti penduduk Daerah Temburong adalah berbangsa Melayu dianggarkan sebanyak 5,852 orang, diikuti bangsa Iban dengan 2,092 orang, bangsa Murut 811 orang, bangsa Cina 209 orang, bangsa Dusun 21 orang dan 211 orang terdiri daripada bangsa lain.

Tempat-tempat Menarik

Taman Negara Ulu Temburong dengan keluasan 500 kilometer persegi diliputi oleh hutan hujan yang masih asli hampir keseluruhan bahagian iaitu selatan Daerah Temburong. Para pelawat boleh menyaksikan ekosistem hutan hujan dengan puncak pokok pelbagai ketinggian ketika melalui laluan kanopi. Laluan kanopi sepanjang kira-kira 385 meter dan 250 meter tinggi membolehkan para pengunjung menyaksikan panorama indah salah satu hutan hujan tertua di dunia.



Pulau Selirong ialah sebuah pulau hutan paya kecil yang terletak di bahagian utara Daerah Temburong. Pada awal pagi ia diliputi oleh kabus tebal yang membangkitkan suasana misteri, tetapi sebaik sahaja pengunjung melangkah kaki ke pulau ini, di sebalik kabus tebal, mereka akan merasa kagum dengan ekosistem tropika dan dapat melihat pemandangan indah secara dekat.



Taman Aie Tenub - Namanya diambil dari gabungan tiga dialek - Melayu, Iban dan Murut, Taman Aie Tenub bermaksud taman air sejuk. Ia merujuk kepada aliran sungai yang mengalir melalui taman ini. Ia terletak di Kampung Selapon, sesuai untuk berkelah dan menikmati keaslian hutan hujan.

Rumah Panjang Temburong terletak di bahagian selatan Daerah Temburong, ia boleh dihubungi melalui jalan darat kira-kira 10 hingga 20 minit. Para pengunjung akan dibawa merasai pengalaman melalui cara hidup etnik masyarakat Iban. Rumah panjang mempunyai jumlah bilik yang banyak di bawah satu bumbung dan diketuai oleh seorang ‘Tuai Rumah’ atau ketua rumah.

Wasai Deraya Rimba dan Wasai Deraya Belukar adalah tempat riadah yang sesuai untuk merehatkan badan, pengunjung juga boleh menikmati keseronokan mandi di bawah aliran air yang turun dari air terjun kecil. Wasai ini terletak di Kampung Senukoh yang boleh dihubungi melalui jalan darat.

Kampung Labu Estet terkenal dengan nilai sejarahnya yang masih dijaga. Suatu ketika dulu kampung ini


mengusahakan ladang tanaman getah yang luas. Sehingga ke hari ini mesin lama yang pernah digunakan untuk memproses getah suatu ketika dahulu masih kekal terdapat di kampung ini.

Taman Persiaran Bukit Patoi juga dikenali dengan **Taman Peranginan Hutan Perdayan** terletak di sebelah timur Daerah Temburong, terdapat laluan pejalan kaki sepanjang kira-kira 330 meter di paras laut yang menawarkan pemandangan Terusan Lawas.

Taman Persiaran Batang Duri terletak 13 kilometer daripada Pekan Bangar. Di sini kita dapat merasai pengalaman menyusuri anak sungai cetek atau melawat taman binatang yang menempatkan beberapa jenis binatang liar dan burung-burung tempatan.

Galeri Warisan Kesenian dan Kebudayaan, sebuah bangunan lama di Daerah Temburong yang memperlihatkan kesenian dan kebudayaan tempatan.

Arca Taman Gemilang 60 dibina sempena memperingati Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60.



Membeli-belah

Pekan Bangar menawarkan sederet kedai menjual pelbagai kraf tangan, pakaian dan segala keperluan harian.

Kompleks Bumiputera terletak di tengah Pekan Bangar, bangunan tiga tingkat ini menempatkan pelbagai jenis kedai termasuk kedai runcit, kraf tangan dan cenderamata, kedai kek, restoran, kedai kain, kedai dobi, ejen pelancongan dan banyak lagi.

Tamu Muhibah Aneka Selera Pekan Bangar yang terletak bertentangan dengan Pusat Belia di Pekan Bangar menjual pelbagai juadah tempatan, terdapat juga pasar barang dapur kering.

Sajian Tempatan Yang Terkenal

Daerah Temburong selain terkenal dengan kekayaan hutan hujan tropiknya, juga dikenali dengan makanan tempatan dan masakan seperti:

Udang Galah (King Prawn)

Hidangan yang paling digemari oleh pengunjung yang datang ke daerah ini.



Wajid Temburong

Dibungkus dengan daun nyirik, wajid diperbuat daripada beras yang dididih di atas api sederhana bersama gula dan santan kelapa.

Cendol Temburong

Air cendol berwarna hijau diperbuat daripada tepung beras, rasanya manis, amat sesuai untuk menghilangkan dahaga.

Kemudahan Tempat Tinggal

Terdapat banyak kemudahan tempat tinggal di Daerah Temburong antaranya:

- Rumah Persinggahan Kerajaan
- Chalet: Teratak Semala dan Teratak Madang Sisik
- Rumah Mewah: Teratak Madu
- Guesthouse Awadah
- Guesthouse Lukut Intan
- Guesthouse Huzairi
- Rumah Tumpangan Kampung Puni





Ketibaan/Berlepas

Terdapat tiga cara untuk tiba di Daerah Temburong. Langkah pertama, menggunakan perahu daripada jeti yang terdapat sepanjang Sungai Brunei dan kita akan sampai ke Pekan Bangar. Perjalanan dianggarkan mengambil masa 45 minit. Dua cara lain ialah dengan menggunakan jalan darat melalui sempadan Limbang, Sarawak, Malaysia; dan melalui Pos Kawalan Imigresen Puni.

Terminal Perahu Pekan Bangar, projek pembinaan terminal baru ini bermula pada 19 Jun 2008 dan siap pada 19 Disember 2009. Terminal dibuka rasmi pada 7 Januari 2010 dan disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Perhubungan. Peruntukan pembinaan terminal menelan belanja kira-kira \$1.4 juta di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

Industri

Daerah Temburong juga terkenal dengan tapak perindustrian kuari. Kuari-kuari yang terdapat di daerah ini dilengkapi sepenuhnya dengan peralatan moden. Daerah ini adalah pembekal utama batu di negara ini dan mampu mengekalkan jumlah penghasilan dan jualan sama ada untuk jalan mahupun untuk kegunaan dalam pembinaan jalan, menghasilkan pracampuran aspal dan konkrit campur sedia, begitu juga turapan jalan.



Air

Bekalan air, sektor pembetungan dan saliran memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi Brunei Darussalam. Ianya merupakan penyumbang ke arah peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan orang ramai dan mencipta persekitaran yang sihat dan bersih.

Bekalan paip air mula disalurkan ke seluruh negara dalam tahun 1970-an. Pada awal tahun 1980-an, kerajaan telah merumuskan Pelan Induk, yang bertujuan bagi menangani permintaan yang semakin meningkat disebabkan oleh pertumbuhan penduduk dan aktiviti-aktiviti pembangunan.

Pada penghujung Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8, 99.9 peratus penduduk telah menerima bekalan air bersih berbanding dengan 99.7 peratus pada Rancangan Kemajuan Negara Ke-7.

Penduduk Daerah Temburong menerima bekalan air bersih dari Loji Rawatan Air Sumbiling dan Loji Rawatan Air Batang Duri.

Melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007 - 2012, tumpuan sektor air adalah: (i) memastikan sumber air bertambah dan boleh didapati walaupun semasa kemarau; (ii) meningkatkan keupayaan rawatan air bagi memenuhi permintaan dalam 20 peratus; (iii) mengurangkan pembaziran air dan meningkatkan kualiti air.

Melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007 - 2012, Loji Rawatan Air Sumbiling akan diperluaskan bagi meningkatkan usaha memenuhi keperluan bekalan air bersih yang semakin meningkat. Sistem pembentungan baru juga akan diletakkan di Pekan Bangar yang tidak mempunyai pusat rangkaian pembentungan.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8, kerja saliran di beberapa buah sungai juga diteruskan sehingga ke kawasan Temburong (Fasa 1).

Bekalan Elektrik

Agensi utama kerajaan dalam sektor ini ialah Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE). JPE bertanggungjawab

dalam penjanaan, penghantaran dan pembahagian daripada empat stesen janakuasa. Kapisiti selebihnya datang daripada Berakas Power Management Company Sdn. Bhd. (BPMC) yang mempunyai tiga stesen janakuasa.

Rangkaian di Brunei Darussalam terbahagi kepada tiga, dengan rangkaian operasi JPE pertama, meliputi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Belait - rangkaian kedua, meliputi Daerah Temburong dan rangkaian ketiga meliputi Gadong 3, Jerudong dan Berakas.

Permintaan bagi elektrik dijangkakan akan meningkat dalam Rancangan Kemajuan Negara 2007-2012. Penghujung tahun 2005, kemuncak permintaan terhadap elektrik adalah 454 megawatt di mana permintaan tertinggi datangnya daripada Daerah Brunei-Muara, diikuti oleh Daerah Belait dan Tutong. Sementara permintaan elektrik bagi Daerah Temburong adalah yang paling kurang. Dalam bentuk pencampuran pengeluaran, 98 peratus penjanaan menggunakan bahan api gas dan dua peratus menggunakan bahan

api diesel. Penjanaan bahan api diesel terletak di Daerah Temburong yang tidak bersambung dengan rangkaian talian Brunei-Muara.

Bagi memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat, kerajaan telah membina sebuah janakuasa yang menelan belanja sebanyak \$4 juta dengan kapisiti 2.56 megawatt di Kampung Belingos di Daerah Temburong. Kuasa juga dibekalkan oleh stesen janakuasa lama di Kampung Seri Tanjung Belayang. Melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012, projek untuk membesarkan Stesen Janakuasa Belingos dengan tambahan dua buah enjin generator diesel 3 megawatt juga dalam perancangan.

Di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012, projek untuk penyambungan rangkaian Daerah Temburong dengan rangkaian Daerah Brunei-Muara dan rangkaian BPMC akan dilaksanakan.

Sementara rancangan juga disediakan bagi pemasangan lebih 10 batang lampu di Daerah Temburong.

Perubatan dan Kesihatan

Kerajaan meletakkan keutamaan kepada kelengkapan kesihatan penduduknya. Bagi memastikan semua peringkat rakyat menerima penjagaan kesihatan yang sempurna, lebih banyak pusat kesihatan dan klinik telah ditubuhkan dan pada dasarnya pihak kerajaan menyediakan khidmat tersebut secara percuma untuk semua rakyat.

Di Temburong, Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam adalah satu-satunya hospital yang terdapat di daerah ini, dibina dengan kos kira-kira \$9.9 juta.

Dilengkapi dengan kemudahan kesihatan dan perubatan moden, penduduk diberikan perkhidmatan yang lebih canggih dan tahap kesihatan yang lebih tinggi.

Sebagai tambahan, terdapat dua buah pusat kesihatan yang terletak di Kampung Labu Estet dan Kampung Amo; sementara Perkhidmatan Doktor Terbang akan berkunjung ke kawasan pendalaman yang tidak boleh dihubungi melalui jalan darat atau sungai.

Pendidikan

Brunei Darussalam telah melancarkan sistem pendidikan baru yang dikenali sebagai Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (National Education System for 21st Century) atau SPN21. Perlaksanaan SPN21 adalah bertepatan dengan keperluan hari ini dengan kepesatan perubahan teknologi dan tujuannya adalah untuk menyahut cabaran sosial dan ekonomi abad ke-21 dan melengkapkan para pelajar dengan kemahiran abad ke-21.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meletakkan pendidikan sebagai salah satu kepentingan utama bagi memenuhi Wawasan Negara 2035 dengan aspirasi untuk mencapai penduduk yang berpendidikan, mempunyai kepakaran yang tinggi dan masyarakat yang berkemahiran.

Sehubungan dengan itu, pendidikan kelas pertama diperlukan agar rakyat dan masyarakat akan dapat berdepan dengan keperluan-keperluan perubahan ekonomi dan menggalakkan



pembelajaran sepanjang hayat selari dengan pencapaian dalam bidang sukan dan kesenian. Kejayaan akan diukur menggunakan taraf tertinggi antarabangsa.

Pendidikan tersebut diberikan secara percuma untuk semua rakyat Negara Brunei Darussalam dan langkah telah diambil untuk memastikan setiap rakyat menerima pendidikan sempurna, melalui penguatkuasaan Perintah Pendidikan 2007.

Institusi akademi yang melibatkan pembelajaran peringkat rendah, menengah dan tertinggi telah dibangunkan di seluruh negara dan lebih banyak institusi akan dibangunkan berdasarkan kepada keperluan dan pertambahan penduduk.

Begitu juga di Daerah Temburong sahaja, terdapat sebuah sekolah menengah; dan 13 buah sekolah rendah terdiri daripada pihak kerajaan dan institusi pendidikan swasta.

Rancangan Perumahan Negara

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan pelbagai skim semenjak awal 1950-an bagi melaksanakan dasarnya untuk menyediakan perumahan yang sempurna dengan persekitaran yang selesa dan setiap warganegaranya yang berhak akan memiliki rumah mereka sendiri.

Program penempatan semula bermula seawal tahun 1951 apabila penduduk-penduduk Kampung Bendahara Lama dari Kampung Ayer dipindahkan ke Kawasan Penempatan Bunut di Mukim Kilanas, Daerah Brunei-Muara.

Satu kaji selidik telah dijalankan pada tahun 1970-an untuk mengenal pasti keperluan perumahan bagi orang ramai. Maka hasilnya, skim perumahan pertama diperkenalkan, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan yang menyediakan tapak kira-kira 810 hektar menempatkan 84 buah rumah di bawah Fasa Satu telah siap dan diperuntukkan untuk pemohon-pemohon yang berjaya pada awal 1986.

Semenjak itu lebih banyak skim perumahan diperkenalkan termasuk Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ), Skim Tanah Lesen Tumpang Sementara (TOL) dan Skim Infill (IS).

Rancangan perumahan yang sama juga dilaksanakan di Daerah Temburong yang dinamakan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rataie; dan Skim Perumahan Negara Kampung Rataie. Di samping itu, Daerah Temburong juga menyediakan lima buah rumah panjang bagi masyarakat Iban yang dinamakan Rumah Panjang Kampung Sibut, Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru, Rumah Panjang Semabat, Rumah Panjang Amo dan Rumah Panjang Lepong Baru.

Jalan Raya


Penduduk negara ini menikmati infrastruktur jalan raya yang selesa dan ini terbukti dengan laporan Indeks Persaingan Global 2008/2009 - Forum Ekonomi Dunia yang menyatakan kualiti jalan raya di Negara Brunei Darussalam berada di kedudukan ke-28 daripada 134 ekonomi utama terbaru; ke-7 di Asia dan ke-3 di Asia Tenggara.

Pihak kerajaan juga sentiasa memastikan kualiti infrastruktur jalan raya dalam keadaan yang baik dan ini dapat dilihat melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012, sebanyak \$600 juta telah diperuntukkan untuk perancangan dan pembangunan rangkaian jalan raya seluruh negara. Ini termasuk projek lebuh raya, penurapan, pemeliharaan dan pelapisan.

Pada tahun 2008, panjang jalan raya di negara ini ialah 2,972.11 kilometer termasuk 2,737.90 kilometer jalan raya negeri, 130.35 kilometer jalan raya daerah dan 103.76 kilometer jalan raya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012 lebih banyak projek akan diteruskan untuk meningkatkan infrastruktur jalan raya termasuk di Daerah Temburong di samping memperbaiki tanah susur di lokasi yang berlainan; meningkatkan keupayaan jalan raya dengan densiti tinggi di kawasan pendalaman; menggantikan laluan jejambat kayu; dan pemuliharaan Jalan Raya Bangar-Puni-Labu.

Kajian juga akan diteruskan dalam pembinaan jalan raya dan jambatan yang menghubungkan Daerah Brunei-Muara dan Temburong; dan kajian terhadap cadangan jalan raya alternatif daripada Jalan Temada ke Jalan Batang Duri.



Pertanian

Dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi, penekanan diberikan kepada sektor pertanian, salah satu sektor yang mempunyai potensi besar untuk diterokai bagi kepentingan ekonomi.

Terdapat pertumbuhan positif di sektor pertanian yang mana keluaran kasar hasil pertanian pada 2008 menunjukkan ternakan menyumbang kepada \$131.6 juta, \$41.35 juta dari pertanian dan \$52.53 juta dari pemprosesan agri-makanan membawa kepada lebih dari \$200 juta pendapatan berbanding hanya \$113.02 juta pada 1999, iaitu 99 peratus kenaikan.

Sementara, wawasan bagi industri agri-makanan ialah untuk meningkatkan jumlah jualan kepada \$340 juta pada 2015, yang mana peningkatan sebanyak 512 peratus berbanding 2008 dengan \$52.53 juta.

Tahun 2009 menunjukkan peningkatan yang membanggakan dalam sektor penanaman padi. Dengan penuaan Beras Laila, usaha menuju kemampunan terhadap keselamatan makanan stabil melalui penghasilan beras menjadi lebih ketara. Ia mempunyai kebolehan untuk dituai dua kali setahun dan mempunyai tahap mikro nutrien yang bersesuaian dengan kandungan kabohidrat dan fiber yang rendah serta berprotein tinggi.

Padi

Kawasan seluas 1,852.76 hektar telah diperuntukkan sebagai kawasan pembangunan pertanian di Daerah Temburong yang dinamakan Labu Estet A, Labu Estet B, Selangan (Station), Bakarut, Perdayan, Selapon A, Selapon B, Senukoh A, Senukoh B, Lakiun, Semabat dan Kawasan Pembangunan Pertanian Kampung Puni.

Anugerah

Anugerah Kampung Cemerlang yang pertama telah diadakan pada tahun 2009 yang memperkenan pencapaian yang terbaik apabila Majlis Perundingan Kampung Belais dan Buda-buda menerima pingat gangsa bagi projek pertanian ternakan, pembiakan cendawan, penghasilan makanan, kebudayaan dan taman persiaran serta memancing. Majlis Perundingan Kampung Sibut juga menerima sijil penghargaan.

Acknowledgements/Penghargaan

A heartfelt gratitude to Yang Mulia Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Senior Information Officer for your thoughtful guidance and wonderful insight.

The heartfelt gratitude also goes to Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad and Awang Chua bin Bangau for guiding us during our trip to Temburong District.


Warmest thank you to editorial team for making it possible, and a special thank you to the Photography & Audio Visual Division, Haji Ariffin Mohd Noor, Ak Abu Bakaruddin Shah Dinny Pg. Haji Kamaruddin, Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain, Roslan Haji Jadi and Mohammad Adib Haji Rani as without their colourful and significant pictures, it would have been impossible to publish this book.





.....

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Mulia Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Pegawai Penerangan Kanan atas bimbingan dan pandangan yang begitu berharga.

Ucapan penghargaan juga dirakamkan kepada Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad dan Awang Chua bin Bangau atas kerjasama mereka sepanjang lawatan kami ke Daerah Temburong.

Ribuan terima kasih kepada para sidang redaksi yang telah sama-sama bekerjasama dalam menerbitkan buku ini; juga ucapan terima kasih khusus untuk Bahagian Fotografi & Audio Visual serta penyumbang-penyumbang gambar persendirian, Haji Ariffin Mohd Noor, Ak. Abu Bakaruddin Shah Dinny bin Pg. Haji Kamaruddin, Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain, Roslan Haji Jadi dan Mohammad Adib Haji Rani, tanpa gambar-gambar mereka yang berwarna-warni dan penuh makna, adalah mustahil untuk menerbitkan buku ini.





Published by English News Division
Information Department, Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

.....
Diterbitkan oleh Bahagian Berita Inggeris
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam